

KEDUDUKAN MAZHAB DAN ISU TUDUHAN LIWAT DAN *QAZAF* MENURUT PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG

Zulkifli Hasan (Ph.D)
Fakulti Syariah dan Undang-undang
Universiti Sains Islam Malaysia
www.zulkiflihasan.com

Abstrak

Secara umumnya, Qazaf merujuk kepada kes yang melibatkan tuduhan ke atas seseorang melakukan perbuatan zina tanpa membawa bukti yang mencukupi dari segi hukum syarak. Majoriti fuqaha termasuk mazhab Shafi'i berpandangan bahawa tuduhan liwat juga meliputi kesalahan Qazaf dan ia boleh dikenakan hukuman had. Namun begitu, realiti yang ada pada peruntukan undang-undang Syariah di Malaysia menimbulkan beberapa persoalan dan seterusnya menimbulkan kekeliruan. Peruntukan undang-undang di bawah Enakmen Jenayah Syariah negeri-negeri hanya menyebut kesalahan Qazaf sebagai tuduhan zina dan tidak menyatakan secara jelas kedudukan tuduhan liwat. Oleh itu, timbul persoalan sama ada Ketua Pendakwa Syarie boleh memulakan prosiding Qazaf kepada sesiapa yang didapati telah membuat tuduhan liwat bukan zina ke atas seseorang tanpa membawa saksi yang mencukupi dari segi hukum syarak. Sehubungan dengan isu ini, penulis akan cuba membincangkan beberapa aspek berkaitan dengan tuduhan liwat dan Qazaf dari sudut kedudukan mazhab dan juga perspektif Syarak dan ini merangkumi ruang lingkup undang-undang substantif dan undang-undang tatacara. Artikel ini juga akan mengupas kedudukan Mazhab dan aplikasinya dari sudut perundangan. Artikel ini juga akan membuat analisis mengenai penghakiman Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Selangor mengenai isu ini dalam kes Dato' Seri Anwar Ibrahim Kes No: 1000-120-0018-2016.

Kata kunci: Mazhab, Liwat, *Qazaf* dan hukum Syarak.

Pendahuluan

Masyarakat umum disajikan dengan berita dan spekulasi mengenai kesalahan jenayah Syariah melibatkan isu *Qazaf* dalam kes Dato' Seri Anwar Ibrahim. Kes yang telah diputuskan di Mahkamah Persekutuan Malaysia antara *Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP & Another* [2015] CLJ JT (3) (Lihat juga *PP v. Dato' Seri Anwar Ibrahim* [2001] 3 MLJ 193, *PP v. Dato' Seri Anwar Ibrahim* [2014] CLJ JT (1-1) terus mendapat perhatian masyarakat dan semakin ramai yang memerlukan pencerahan dalam isu ini. Apa yang menjadi kebimbangan adalah kesalahan-kesalahan melibatkan dosa besar sebegini tidak diambil endah dan potensi berlakunya *Qazaf* secara berleluasa tanpa disedari kerana ia juga sangat berkait rapat dengan tuntutan memelihara keaiban dan maruah selaras dengan prinsip *maqasid Syariah*.

Mengambil perhatian perkara ini dengan serius, penulis ingin berkongsi pandangan mengenai isu ini dengan tujuan agar ia boleh dijadikan sebagai antara pencerahan kepada beberapa persoalan berkaitan dengan kerelevanan liwat dalam kes *Qazaf* di Mahkamah Syariah. Artikel ini membincangkan secara umum beberapa persoalan mengenai kesalahan *Qazaf* dan kaitannya dengan liwat dengan merujuk kepada peruntukan undang-undang. Penting untuk diingatkan bahawa penulisan ini tidak bermaksud untuk membicarakan topik ini secara menyeluruh dan mendalam mahupun menyentuh segenap aspek ruang lingkup *Qazaf*.

Perbincangan hanya meliputi aspek perundangan di Malaysia mengenai tuduhan liwat dan kaitannya dengan kesalahan Qazaf sebagai salah satu kesalahan jenayah Syariah di bawah bidangkuasa Mahkamah Syariah. Penulis juga akan membicarakan kedudukan mazhab dan aplikasinya dalam kerangka undang-undang sedia ada. Ini adalah amat penting bagi memastikan perbahasan dan perbincangan akan dapat difahami dengan lebih jelas dan mendalam.

Beberapa Persoalan Mengenai Kesalahan *Qazaf* dan Kaitannya Dengan Tuduhan Liwat

Persoalan demi persoalan ditimbulkan mengenai kes *Qazaf* ini dan ini merangkumi aspek hukum syarak dan undang-undang. Antara yang menjadi persoalan utama adalah berkenaan dengan kerelevanan *Qazaf* dalam kes melibatkan tuduhan liwat sama ada menurut perspektif Syariah mahupun undang-undang yang diperuntukkan di bawah enakmen negeri-negeri. Masyarakat juga ingin tahu mengenai prosiding kes *Qazaf* di Mahkamah Syariah dan bagaimanakah Mahkamah boleh membicarakan dan mendengar kes seumpama ini. Bukan itu sahaja, sehingga hari ini, masyarakat tidak begitu memahami kedudukan mazhab dan aplikasinya menurut perspektif undang-undang. Ini merupakan antara beberapa persoalan yang menjadi perbincangan dan perdebatan di mana sekiranya tidak ditangani dengan baik akhirnya boleh menimbulkan pelbagai spekulasi dan kekeliruan.

Berikutan dengan perkembangan dan kes yang diputuskan oleh Mahkamah Syariah dalam isu *Qazaf*, ia telah menimbulkan persoalan yang signifikan dari sudut hukum syarak dan undang-undang. Penulis mengambil pendekatan untuk mengupas isu ini menerusi persoalan-persoalan yang berkaitan agar ia lebih mudah difahami dan terus menjawab isu yang-isu tersebut. Persoalan-persoalan ini boleh dirumuskan kepada tujuh isu utama iaitu (i) Apakah Mazhab Negara Menurut Perspektif Undang-undang; (ii) Apakah Kedudukan Mazhab al-Shafi'i dan mazhab *Abli Sunnah Wa al-Jamaah* yang lain dari sudut undang-undang?; (iii) Apakah Perspektif Hukum Syarak Mengenai *Qazaf* Dalam Kes Tuduhan Liwat?; (iv) Apakah Menuduh Orang Lain Melakukan Liwat Secara Paksa Dianggap *Qazaf*?; (v) Adakah *Qazaf* Masih Relevan Dalam Kes Tuduhan Liwat Terhadap Seseorang yang Telah Disabitkan Kesalahan Seks Luar Tabii di Mahkamah Sivil? (vi) Adakah Peruntukan Undang-undang Mengenai *Qazaf* Merangkumi Kesalahan Menuduh Orang lain melakukan Liwat atau Ia Terhad Hanya Pada Kesalahan Zina?; dan (vii) Apakah Prosiding *Qazaf* Dalam Kes Tuduhan Seseorang Melakukan Liwat?.

Apakah Mazhab Rasmi Negara Menurut Perspektif Undang-undang?

Masyarakat selalu mengaitkan mazhab dengan hukum fiqh dalam kehidupan seharian. Adalah penting untuk memahami makna mazhab dengan maksud yang lebih luas dan tepat. Dari sudut bahasa, perkataan mazhab adalah merupakan sifah isim *makan* dari kata *fi'il* madhi *zabaha*. *Zabaha* ertinya pergi dan mazhab bermaksud tempat pergi atau jalan. Perkataan lain yang mempunyai makna yang sama dengan mazhab ialah *maslak*, *thariqah* dan *sabil* yang membawa erti jalan atau cara. Manakala dari sudut istilah ia bermaksud fatwa atau pendapat seorang Imam *mujtahid*.

Dalam erti kata yang lebih luas, mazhab bukan hanya bermaksud fatwa Imam *Mujtahid* tetapi

ia juga merujuk cara berfikir atau metode ilmiah yang digunakan oleh seseorang Imam Mujtahid dalam mengambil kesimpulan hukum mengenai sesuatu peristiwa berdasarkan kepada Al-Quran dan al-Sunnah.

Berdasarkan kepada pentakrifan di atas, dapatlah difahami bahawa mazhab bukan hanya merujuk kepada fatwa Imam Mujtahid tetapi ia juga merangkumi aspek metode ilmiah yang digunakan oleh Imam Mujtahid dalam mengeluarkan sesuatu hukum berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Sehubungan dengan itu, dalam konteks Malaysia, timbul persoalan apakah mazhab rasmi Malaysia dari sudut perundangan. Perkara ini jarang diperbincangkan dan ramai juga yang berbicara mengenainya tanpa memahami secara mendalam kedudukannya dari aspek undang-undang. Oleh itu, adalah penting untuk memahami aspek ini sebelum terus membincangkan isu berkaitan dengan tuduhan liwat dan qazaf.

Umumnya, setiap muslim mesti mengambil hukum-hukum Allah SWT secara langsung daripada al-Quran dan al-Sunnah. Bagaimanapun realitinya masih ramai umat Islam yang tidak mampu untuk mengeluarkan hukum-hukum secara langsung daripada al-Quran dan al-Sunnah seperti yang dilakukan oleh imam-imam mazhab yang empat. Oleh itu dibolehkan umat Islam untuk bermazhab demi kemaslahatan umum dan juga memelihara ketinggian Syariah itu sendiri. Ini seiring dengan apa yang dikatakan oleh Ibn Qayyim al-Jauziyyah yang menyebut: "Sesungguhnya syariah Islam itu binaan dan asasnya adalah atas segala hikmah dan kebaikan untuk manusia di dunia dan akhirat. Syariah Islam itu segalanya keadilan, kebaikan dan hikmat. Maka setiap perkara yang terkeluar dari keadilan kepada kezaliman, dari rahmat kepada yang berlawanan dengannya, dari kebaikan kepada kerosakan, dari hikmat kepada sia-sia maka ianya bukan syariah Islam sekalipun diberikan takwilan untuknya".

Secara umumnya Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan Islam adalah agama Persekutuan namun agama lain boleh diamalkan dengan aman damai di mana-mana bahagian persekutuan. Walaupun Perlembagaan Persekutuan tidak menyebut apa-apa mazhab bagi Malaysia, namun demikian terdapat beberapa peruntukan dan amalan perundangan yang ada menyentuh aspek Mazhab bagi negeri-negeri di Malaysia. Ini disokong oleh Mohammed Imam (1994) yang berpandangan bahawa mazhab yang menjadi rujukan di Malaysia adalah berpaksikan kepada *Abli Sunnah Wa al-Jamaab*¹. Pandangan ini adalah berpandukan kepada peruntukan yang terkandung dalam Perlembagaan Negeri-negeri.

Perlembagaan Negeri Kedah, Kelantan dan Perlis meletakkan secara khusus Agama Islam *Abli Sunnah Wa al-Jamaab* adalah agama Negeri dan Sultan mestilah bermazhab tersebut. Perlembagaan Negeri Johor tidak menyebut secara khusus Ahli Sunnah tetapi hanya menyebut Agama Islam adalah Agama Negeri dan Perlembagaan Negeri Sembilan, Pahang, Terengganu dan Selangor menyebut Agama Islam Dianuti Diamalkan sehingga akan datang. Perlembagaan Negeri Perak pula menyatakan Agama Islam adalah agama rasmi dan Bermazhab Shafi'i. Seperti yang diketahui bahawa mazhab Shafi'i merupakan antara mazhab *Abli Sunnah Wa al-Jamaab* maka ia menunjukkan bahawa Perlembagaan negeri di Malaysia

¹ *Abli Sunnah Wa al-Jamaab* merujuk kepada ajaran dan amalan yang berasal daripada Nabi s.a.w. dan para sahabat. Ada empat mazhab yang dianggap muktabar oleh *Abli Sunnah Wa al-Jamaab* yang dikenal dengan "*al-Madzahibul Arba'ah*". Di Malaysia, umat Islam umumnya berpegang kepada aliran dan amalan *Abli Sunnah Wa al-Jamaab*, dalam akidah ia mengikut mazhab Imam Asy'ari dan dalam Fiqh ia mengikut mazhab Shafi'i.

mengiktiraf mazhab berpaksikan kepada *Abli Sunnah Wa al-Jamaah* sebagai mazhab rasmi negeri-negeri².

Selain daripada itu, hampir kesemua Enakmen negeri-negeri juga telah mentafsirkan 'hukum syarak' sebagai undang-undang Islam mengikut mana-mana mazhab yang muktabar dan diiktiraf dan ini merujuk kepada mazhab *Abli Sunnah Wa al-Jamaah* (Ezad Azraai Jamsari et al, 2011). Dari aspek fatwa khususnya perkara berkaitan fiqh, Enakmen negeri telah memperuntukkan rujukan pada mazhab apabila sesuatu keputusan fatwa hendak dibuat. Umumnya peruntukan ini menyatakan keperluan untuk merujuk kepada *Qawl* muktabar mazhab Shafi'i dan sekiranya bercanggah dengan masalah umum, maka dibolehkan merujuk kepada mazhab muktabar seperti Hanafi, Maliki dan Hanbali. Jika kesemua pandangan mazhab muktabar masih tidak bertepatan dengan masalah umum, maka dibolehkan untuk berjihad tanpa merujuk mana-mana pandangan mazhab muktabar. Peruntukan ini ada dinyatakan dalam Enakmen Pentadbiran negeri-negeri melainkan Perlis³.

Manakala dari sudut akidah, Enakmen negeri-negeri tidak menyebut secara khusus keperluan untuk mengikut mazhab *Abli Sunnah Wa al-Jamaah* kecuali Kelantan⁴. Walaupun demikian, sekiranya diteliti, pentafsiran 'hukum syarak' di bawah Enakmen negeri-negeri juga merangkumi aspek akidah. Ini kerana makna 'hukum syarak' itu sendiri adalah luas dan ini termasuk perkara berkaitan Syariah, akidah dan akhlak. Oleh itu, undang-undang sedia ada juga sebenarnya mengiktiraf rujukan kepada mazhab *Abli Sunnah Wa al-Jamaah* dalam aspek akidah.

Kedudukan mazhab *Abli Sunnah Wa al-Jamaah* ini disokong oleh keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan⁵. Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang bersidang pada 5 Mei 1996 telah menetapkan bahawa *Abli Sunnah Wa al-Jamaah* adalah mazhab yang diiktiraf dan ini merangkumi aspek Syariah, akhlak dan akidah. Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan juga menerima cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan dan Negeri agar memasukkan secara khusus *Abli Sunnah Wa al-Jamaah* sebagai mazhab rasmi. Bukan itu sahaja, disarankan juga untuk negeri-negeri menyelaraskan takrif hukum Syarak supaya ia merujuk kepada undang-undang Islam yang berteraskan *Abli Sunnah Wa al-Jamaah*. Kedudukan mazhab *Abli Sunnah Wa al-Jamaah* ini mesti dipelihara dan ajaran mazhab selainnya adalah bertentangan dan bercanggah dengan hukum syarak.

Selain itu, Mahkamah Sivil dan Syariah secara tidak langsung mengiktiraf mazhab *Abli Sunnah Wa al-Jamaah* sebagai rujukan dalam kerangka undang-undang di Malaysia. Kes-kes yang diputuskan di Mahkamah Syariah secara jelas merujuk mazhab Ahli Sunnah sebagai asas kepada penghakiman. Lebih menarik Mahkamah Sivil juga mengiktiraf perkara ini dalam

² Perlembagaan Iran secara khusus menyebut dalam Perkara 12 bahawa Islam adalah agama rasmi Negara Republik Islam Iran dan Mazhab Syiah Ithna Asyarah-Jaafariyah adalah mazhab negara dari aspek akidah dan fiqh.

³ Seksyen 54 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Perlis 2006 menyatakan bahawa Jawatankuasa Fatwa hendaklah mengikut al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW. Seksyen 2 mentafsirkan 'hukum syarak' yang merujuk kepada *Abli Sunnah Wa al-Jamaah*.

⁴ Seksyen 37 Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (1994).

⁵ Walaubagaimanapun Majlis Fatwa Kebangsaan tidak berautoriti seperti Jawatankuasa Fatwa di peringkat negeri. Ini memandangkan hal ehwal agama Islam diletakkan di bawah bidang kuasa Negeri seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

beberapa kes yang diputuskan. Sebagai contoh dalam kes *Pendakwa Syarie v Abdul Talib Bin Harun dan Lain-lain* (1996) JH 150, Mahkamah Syariah telah memutuskan bahawa hukum Syarak yang diamalkan di Malaysia merujuk kepada *Ahli Sunnah Wa al-Jamaah* dan tertuduh yang mengaku bermazhab Syiah Imamiah juga adalah tertakluk dengannya. Dalam beberapa kes seperti *Saeda binti Abu Bakar and Malek bin Haji Mohamed Yusup v Haji Abdul Rahman bin Mohamed Yusup dan Usman bin Haji Mohamed Yusup* (1982) 1 LNS 60 dan *Banoo Begum v Mir Abed Ali* ILR 32 Bom 172, Mahkamah Sivil menolak rujukan kepada mazhab Syiah dan mengiktiraf Ahli Sunnah sebagai mazhab yang digunapakai di Malaysia. Manakala dalam kes yang lain seperti *Saravanan Thangatoray v Subashini Rajasingham & Another Appeal* (2007) 2 CLJ 451 dan *Shamala Sathiyaseelan v Dr. Jeyaganesh C. Mogarajah* (2004) 3 CLJ 516, Mahkamah Sivil memutuskan perundangan Islam ditafsirkan sebagai undang-undang Islam mengikut mazhab muktabar dan yang diiktiraf merangkumi Shafi'i, Hanafi, Hanbali dan Maliki.

Kedudukan mazhab Ahli Sunnah dari sudut perundangan ini diperkuatkan lagi dengan beberapa peruntukan undang-undang yang lain dan ini termasuk dari aspek kriteria perjawatan berkaitan Mahkamah Syariah. Enakmen negeri-negeri ada mensyaratkan mazhab *Ahli Sunnah Wa al-Jamaah* sebagai kriteria wajib bagi peguam Syarie seperti Perlis⁶ dan Johor⁷. Lebih menarik, seksyen 10 Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Negeri Perlis 1991 juga menyebut secara khusus keperluan mazhab Ahli Sunnah kepada pelantikan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah. Di Kelantan, Ahli Majlis Adat Istiadat Melayu disyaratkan juga bermazhab Ahli Sunnah. Di Wilayah Persekutuan, seksyen 26 Kaedah-kaedah Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan (Tauliah Mengajar Agama Islam) 2004 menetapkan bahawa tauliah untuk mengajar agama mestilah ajaran yang berasaskan mazhab Ahli Sunnah dan semua bentuk ajaran bercanggah dengannya adalah tidak dibenarkan.

Apakah Kedudukan Mazhab Shafi'i Dari Perspektif Undang-undang?

Sejarah telah membuktikan bahawa Malaysia adalah sinonim dengan mazhab Shafi'i. Pengajian dan pendidikan dalam sistem tradisional menunjukkan bahawa mazhab Shafi'i menjadi rujukan utama. Rujukan dalam pengajian sebahagian besarnya merujuk kepada karya-karya mazhab Shafi'i seperti Abu Shuja', Imam al-Nawawi, Zayn al-Din al-Malibari, Qalyubi Wa 'Umayrah, Zakariyya al-Ansari dan lainnya. Ini termasuk kitab karangan ulama tempatan yang disyarahkan di kebanyakan pengajian pondok seperti Syekh Dawud al-Fatani, Muhammad bin Ismail Dawud al-Fatani, Muhammad Arsyad al-Banjari, Nur al-Din al-Raniri dan lain-lain yang mengangkat mazhab Shafi'i sebagai rujukan utama.

Mazhab Shafi'i begitu sinonim dengan pegangan umat Islam di Malaysia sejak turun temurun. Undang-undang Melaka juga mengambil beberapa pandangan mazhab Shafi'i di samping undang-undang adat yang menjadi amalan. Ini diungkapkan oleh M. B. Hooker yang menyebut bahawa Bab 25 hingga 28 Undang-undang Melaka merupakan terjemahan dan pengubahsuaian fiqh Shafi'i dan elemen pemikiran Undang-Undang Islam dalam teks Melaka ialah salinan-salinan asal prinsip Shafi'i dalam hal-hal perkahwinan dan perniagaan (Raihanah, (2007) dan M.B Hooker, (t.t.)).

Sebagai contoh, Fasal 40 (1) Hukum Kanun Melaka, perbuatan liwat dikategorikan sebagai

⁶ Seksyen 25 Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Negeri Perlis 1991.

⁷ Kaedah 9 Kaedah-kaedah Peguam Syarie Johor 1982.

zina. Ini bersesuaian dengan pandangan mazhab Shafi'i. Fasal 42 juga berasaskan kepada pandangan mazhab Shafi'i, iaitu arak termasuk semua minuman yang memabukkan. Hukum Kanun Melaka kemudiannya telah mempengaruhi negeri-negeri Melayu dalam pengkanunan undang-undang seperti Undang-undang Pahang dan Undang-undang Johor (Paizah, 2007).

Enakmen negeri-negeri yang digubal di era 80an-90an mendefinisikan hukum syarak sebagai undang-undang Islam dalam mana-mana mazhab yang sah atau mana-mana mazhab yang diiktiraf⁸ dan ada juga merujuk secara umum mazhab muktabar *Ahli Sunnah Wa al-Jamaah*⁹. Enakmen negeri-negeri kemudiannya telah cuba diselaraskan dengan hukum syarak ditafsirkan sebagai mengikut mazhab Shafi'i atau mengikut mana-mana satu mazhab Maliki, Hanafi atau Hanbali¹⁰. Peruntukan ini secara langsung telah menunjukkan kecenderungan untuk membataskan rujukan kepada empat mazhab ahli sunnah yang muktabar sahaja. Dalam lain perkataan penekanan diberikan kepada mazhab Shafi'i namun terdapat kebebasan untuk merujuk kepada mazhab-mazhab yang lain jika tidak terdapat pandangan dalam mazhab Shafi'i mengenai sesuatu isu atau jika rujukan kepada mazhab Shafi'i tidak dapat menyelesaikan isu tersebut.

Mahkamah Syariah juga menjadikan mazhab Shafi'i sebagai rujukan dalam penghakiman tetapi bukan sebagai sesuatu yang mesti diaplikasikan dalam kes. Hakim-hakim Mahkamah Syariah dalam membuat keputusan penghakiman selalunya mengambilkira pandangan-pandangan fuqaha dari mazhab Shafi'i. Hakim-hakim kebiasaannya akan merujuk kepada kitab-kitab yang dikarang oleh fuqaha mazhab Shafi'i seperti *I'ana al-Talibin*, *al-Majmu'*, *Mughni al-Muhtaj*, *Minhaj al-Talibin*, *Kifayat al-Akhyar*, *Qalyubi wa 'Umayrah*, *Matla' al-Badrayn wa Majma' al-Babrayn* dan lain-lain kitab al-Syafi'iyah. Walaubagaimanapun terdapat kes-kes di mana rujukan dibuat terhadap pandangan mazhab-mazhab yang selain Shafi'i. Dalam kes-kes sebegini keputusan untuk menerima pandangan mazhab lain adalah merujuk kepada konsep kemaslahatan dan kepentingan awam¹¹.

Secara umumnya apa yang dapat diperhatikan daripada keputusan-keputusan Mahkamah, tiada rujukan dibuat kepada mazhab tertentu, termasuk mazhab Shafi'i tetapi hanyalah rujukan kepada "hukum Islam" secara umum sahaja. Kes-kes di Mahkamah Syariah menunjukkan bahawa bukan hanya merujuk mazhab Shafi'i dalam melakukan keputusan

⁸ Seksyen 2 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Sabah 1992, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pulau Pinang 1985, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1984, Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984.

⁹ Enakmen Keluarga Islam Melaka 1983 mentakrifkan 'Hukum Syarak' sebagai hukum yang diterima oleh mazhab Syafi'i, Hanafi, Maliki, Hanbali dan Syiah (Zaidiyah dan Jaafariyah).

¹⁰ Sebagai contoh, seksyen 2 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.

¹¹ Dalam kes *Zafrin Zubilmi bin Pauzi v Noor Aini Binti Nasron* Kes No: 11300-006-0033-2012 di Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu, Hakim mengambil pendirian bahawa seseorang anak yang dilahirkan kurang dari 6 bulan dari waktu akad nikah perkahwinan boleh dinasabkan kepada si lelaki yang mengahwini ibu yang mengandung dan melahirkan anak itu mengikut undang-undang atau peraturan-peraturan keduniaan, dan dengan syarat lelaki itu tidak menyatakan yang anak itu adalah anak dari perbuatan zinanya. Hakim merumuskan bahawa persoalan kewalian dan kepusakaan bukanlah dikategorikan sebagai 'ahkam al dunya' di mana anak tersebut hanya boleh dibincang kepada bapa biologinya tetapi penasaban ini tidak mengubah kedudukan dari sudut hukum kewalian dan kepusakaan. Hakim mengambil pandangan Abdul Karim Zaidan dalam bukunya *Nizqam al-Qada' fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*.

dalam kes-kes di mahkamah-mahkamah Syariah di Malaysi¹². Walau bagaimanapun kecenderungan secara umum untuk bertilzam dengan pendapat mazhab muktabar agak ketara terutama melalui peruntukan-peruntukan dalam teks-teks undang-undang. Meskipun terdapat kecenderungan untuk membuka ruang kepada mazhab-mazhab selain Shafi'i, namun rujukan utama tetap kepada mazhab Shafi'i. Hal ini boleh menjadi asas kepada kesimpulan bahawa realitinya mazhab Syafi'i masih menjadi rujukan utama tetapi mazhab ahli sunnah yang muktabar dan diiktiraf tetap diaplikasikan sesuai dengan masalah umum masyarakat.

Apakah Perspektif Hukum Syarak Mengenai *Qazaf* Dalam Kes Tuduhan Liwat?

Qazaf merupakan sesuatu kesalahan yang unik dan berlainan dengan kesalahan jenayah Syariah yang lain dalam Islam. Ia bertujuan untuk melindungi maruah dan kehormatan seseorang yang menjadi antara salah satu aspek utama yang perlu dipelihara dalam prinsip *maqasid Syariah*. Pengajaran mengenai *Qazaf* ini diriwayatkan secara terperinci dalam peristiwa *Ifk* di mana kesalahan *Qazaf* ini dianggap bukan sahaja sebagai salah satu dosa besar malahan memberikan impak yang begitu besar dan ini termasuk implikasi kesaksian seseorang yang tidak diterima selama-lamanya. Allah SWT berfirman di dalam al Quran: *Dan orang-orang yang menuduh wanita-wanita yang baik-baik (berbuat zina) dan mereka tidak mendatangkan empat orang saksi, maka sebatlah mereka (yang menuduh itu) 80 kali sebatan dan janganlah kamu terima kesaksian mereka buat selama-lamanya. Dan mereka itulah orang-orang yang fasik* (Surah al Nur 24: 4-5).

Qazaf secara umumnya merujuk kepada tuduhan ke atas seseorang yang baik akhlaknya dengan berzina, atau menafikan keturunannya yang sah. *Qazaf* merupakan salah satu daripada kesalahan hudud dan sesiapa disabitkan dengan kesalahan ini boleh di hukum had. Berkenaan dengan kesalahan zina dan liwat berkaitan *Qazaf*, jumhur termasuk mazhab Shafi'i berpandangan bahawa liwat adalah hudud dan pesalah boleh dikenakan hukuman had zina. Menurut pendapat *fuqaha'* mazhab Syafi'i, dalam kitab *Fiqh al Manhaji* menyebut Liwat adalah perisetubuhan pada dubur baik yang disetubuhi itu lelaki mahupun perempuan. Menurut pendapat yang sahih, hukum perbuatan ini ialah hukum zina bagi pelaku sekiranya wujud bukti dan pengakuan (Mustafa al Bugha, 1990). Wahbah Zuhaili juga berpandangan bahawa *Qazaf* meliputi tuduhan zina dan liwat, dengan lafaz yang jelas (Zuhaili, 2006: 380. Lihat juga Abdul Qadir Audah, (2008: 463)). Berbanding dengan pandangan, hanya Imam Abu Hanifah yang berpandangan bahawa liwat tidak diwajibkan hukuman had ke atas kedua-dua pelaku liwat dan penerimanya sama ada lelaki atau perempuan.

Merujuk kepada kesalahan *Qazaf* dalam pertuduhan liwat, majoriti *fuqaha'* daripada empat mazhab berpandangan bahawa liwat adalah sama sahaja dengan zina. Tuduhan liwat ke atas seseorang mengikut Imam Malik, Imam Shafi'i dan Imam Ahmad sama dengan menuduh seseorang melakukan zina kerana liwat adalah zina dan peliwat adalah penzina sama ada ia sebagai pelaku atau penerima perlakuan itu, sama ada ia lelaki atau perempuan. Sekiranya jika disabitkan dengan kesalahan *Qazaf* menerusi tuduhan liwat maka si pesalah boleh dikenakan hukuman had bagi kesalahan *Qazaf*. Imam Abu Hanifah pula berpandangan bahawa tuduhan liwat termasuk dalam hukuman takzir kerana beliau berpandangan bahawa liwat bukannya

¹² Kes *Fatimah Binti Osman dan Norazmi bin Tukiban*, JH 1 Jun 2001 memutuskan keharusan melakukan fasakh kerana darar adalah merujuk kepada mazhab Maliki.

zina, justeru tuduhan liwat tidak dikira sebagai tuduhan zina (Hanafi, 1970: 262). Dalam isu ini, pendekatan Mahkamah Syariah kebiasaannya mengutamakan pandangan jumah dan mazhab Shafi'i. Oleh itu, tuduhan liwat juga boleh ditafsirkan untuk merangkumi tuduhan zina dan *Qazaf*.

Apakah Menuduh Orang Lain Melakukan Liwat Secara Paksa Dianggap *Qazaf*?

Pada asasnya, sesiapa yang menuduh sesiapa meliwat tanpa bukti empat orang saksi lelaki yang cukup syarat atau pengakuan tertuduh boleh dianggap melakukan jenayah *Qazaf*. Ini menimbulkan persoalan bagaimana dengan kes liwat secara paksa. Adakah pihak yang mendakwa dilihat boleh menuduh seseorang melakukan liwat secara paksa dan terlepas daripada hukuman *Qazaf*? Adakah pihak ketiga juga boleh menuduh orang lain melakukan liwat secara paksa dan bebas dari tuduhan melakukan *Qazaf*? Dalam hal ini, penulis berpandangan bahawa umat Islam hendaklah berusaha untuk menjauhkan diri daripada sebarang perbuatan yang boleh menjerumuskan diri dengan dosa *Qazaf* walaupun tuduhan sebegini boleh memungkinkan boleh terlepas daripada kesalahan *Qazaf* di atas dunia ini tetapi belum tentu di hari akhirat nanti.

Apabila membicarakan isu ini, perlu diingatkan bahawa hanya mangsa atau pihak yang mendakwa diliwat yang berhak untuk membuat tuduhan liwat secara paksa dan bukan pihak ketiga. Bukan itu sahaja, orang yang mendakwa dirinya diliwat perlu mengemukakan bukti dan keterangan yang boleh diterima di Mahkamah bagi menyokong dakwaannya itu. Keterangan dan bukti itu mesti menunjukkan bahawa adanya unsur paksaan dan jika dia tidak dapat mengemukakan bukti diliwat maka dia boleh dianggap melakukan tuduhan *Qazaf* terhadap seseorang. Amaran keras mengenai dosa *Qazaf* ini dirakamkan Allah SWT di dalam al Quran yang bermaksud '*Sesungguhnya orang-orang yang menuduh wanita-wanita yang baik-baik lagi beriman (dengan tuduhan berzina), mereka dilaknat di dunia dan di akhirat, dan bagi mereka azab yang besar*' (Surah Al Nur, 24: 23)

Perlu diingatkan juga bahawa tuduhan melakukan liwat secara paksa adalah sama sekali tidak sama dengan tuduhan dalam kes gangguan seksual atau '*sexual harrasment*'. Tanggapan yang mengatakan bahawa kes liwat secara paksa boleh dianalogikan dengan gangguan seksual seperti dalam kes yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan baru-baru ini adalah sesuatu yang mengelirukan dan jauh daripada kebenaran. Berbanding liwat, gangguan seksual boleh berlaku tanpa adanya berlaku perlakuan hubungan seksual. Oleh itu, beban pembuktian untuk pembuktian adanya unsur paksaan dalam kes gangguan seksual adalah berbeza dengan kes tuduhan liwat secara paksa. Beban pembuktian kes liwat secara paksa memerlukan keterangan dan bukti yang kukuh bagi membuktikan bahawa adanya elemen paksaan.

Merujuk kepada isu adakah pihak ketiga atau sesiapa selain daripada mangsa liwat secara paksa boleh melakukan kesalahan *Qazaf* ia adalah sesuatu yang perlu diberikan perhatian secara amat berhati-hati. Asasnya, tiada sesiapa termasuk pihak ketiga boleh menuduh sesiapapun dengan tuduhan liwat sama ada secara paksa atau rela. Walaubagaimanapun, dalam kes di mahkamah melibatkan tuduhan melakukan liwat yang dijalankan Pendakwa Syarie, Pendakwa Syarie hanya dianggap mewakili pihak yang mendakwa diliwat. Isu pendakwa Syarie berpotensi melakukan *Qazaf* tidak lagi relevan kerana beliau hanya mewakili

pihak yang mendakwa diliwat dan pendakwa syarie tidak boleh dijatuhkan hukuman kesalahan *Qazaf* sekiranya tidak dapat dibuktikan bahawa tertuduh telah melakukan liwat secara paksa.

Oleh itu, pendakwa syarie mesti menjalankan pendakwaan mewakili dan berdasarkan kepada maklumat dan keterangan oleh mangsa liwat yang mendakwa diliwat secara paksa. Sekiranya pihak yang mendakwa diliwat mengatakan ia berlaku secara paksa maka pendakwa syarie tidak boleh pula mengatakan bahawa liwat berlaku secara sukarela seperti yang berlaku dalam kes liwat yang diputuskan di Mahkamah Persekutuan baru-baru ini. Ia jelas bertentangan dengan dakwaan pihak yang mendakwa kena liwat dan ini menyalahi prinsip asal pendakwaan dalam kes zina dan liwat.

Adakah *Qazaf* Masih Relevan Dalam Kes Tuduhan Liwat Terhadap Seseorang yang Telah Disabitkan Kesalahan Seks Luar Tabii di Mahkamah Sivil?

Wujudnya tanggapan bahawa sesiapa tidak boleh dianggap melakukan *Qazaf* atau terlepas daripada kesalahan *Qazaf* apabila membuat tuduhan liwat terhadap seseorang yang telah disabitkan kesalahan seks luar tabii di Mahkamah Sivil. Ini merupakan suatu tanggapan salah yang perlu diberikan perhatian. Umumnya, sabitan kesalahan di Mahkamah Sivil seperti yang diperuntukkan dalam Kanun Keseksan tidak bermakna seseorang itu berhak atau boleh membuat tuduhan liwat. Malahan sebarang pertuduhan terhadap sebarang kesalahan seumpama ini hanya boleh dibuat dihadapan hakim di Mahkamah Syariah.

Sabitan kesalahan melakukan seks luar tabii di bawah Kanun Kesiksaan di Mahkamah Sivil tidak membolehkan seseorang terlepas daripada kesalahan *Qazaf* apabila menuduh seseorang yang telah disabitkan kesalahan tersebut dengan tuduhan liwat. Ini bersandarkan kepada pembuktian yang tidak menepati hukum syarak dan sabitan juga berlaku tidak berasaskan kepada sama ada kepada iqrar ataupun empat orang saksi lelaki. Bukan itu sahaja peruntukan di bawah Hukuman yang diperuntukkan di bawah Kanun Kesiksaan juga bukan merupakan hukuman hudud. Walaupun telah disabitkan kesalahan di Mahkamah Sivil di bawah Kanun Keseksan hatta di Mahkamah Syariah di bawah Enakmen Jenayah Syariah Negeri sekalipun, sesiapa sahaja tidak boleh membuat tuduhan liwat terhadap sesiapapun melainkan ia dilakukan di Mahkamah. Sebarang pertuduhan hanya boleh dilakukan di hadapan hakim di Mahkamah Syariah.

Adakah Peruntukan Undang-undang Mengenai *Qazaf* Merangkumi Kesalahan Menuduh Orang lain melakukan Liwat atau Ia Terhad Hanya Pada Kesalahan Zina?

Seksyen 36 Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995 dan seksyen 41 Akta 559 Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 memperuntukkan bahawa “Kecuali dalam kes *li'an*, mana-mana orang yang menuduh orang lain melakukan zina tanpa mengemukakan, mengikut Hukum Syara', empat orang saksi lelaki atau *iqrar* orang yang dituduh itu adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.” Meneliti peruntukan ini, umumnya ia bukan bersifat secara mutlak dan boleh ditafsirkan secara literal atau konstruktif. Ia bergantung kepada Mahkamah Syariah untuk menentukan pendekatan pentafsiran mengenai kesalahan *Qazaf* sama ada ia hanya terhad pada kesalahan zina atau ia termasuk kesalahan zina dan liwat. Bagi membincangkan aspek

ini, penulis merujuk kepada terkini *Dato' Seri Anwar Ibrahim (DSAI) v Ketua Pendakwa Syarie Negeri Selangor*, Kes No: 1000-120-0018-2016.

Dalam kes *Dato' Seri Anwar Ibrahim (DSAI) v Ketua Pendakwa Syarie Negeri Selangor*, pengadu iaitu DSAI telah membuat aduan jenayah Qazaf terhadap Orang Yang Diadu (OYD) iaitu Tan Sri Shafee Abdullah kepada pegawai penguatkuasa Agama Islam Selangor. Walaubagaimanapun, pihak penguatkuasa agama telah menghentikan siasatan atas ketiadaan undang-undang di bawah Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 berhubung dengan kesalahan Qazaf berkaitan kes liwat. Pengadu kemudian telah membuat aduan kepada hakim di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor dan memohon Mahkamah mengeluarkan saman kepada OYD melalui prosiding di bawah Seksyen 74 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003.

Setelah mendengar permohonan ini, pada 27 Oktober 2016 Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor telah menolak permohonan pengadu untuk memulakan prosiding Qazaf. Hakim Syarie Mohamed Fouzi Mokhtar berpandangan bahawa Mahkamah Tinggi Syariah tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar permohonan tersebut berikutan perbuatan liwat tidak termasuk dalam kesalahan Qazaf. Hakim mendapati terdapat perbezaan pendapat sama ada kesalahan meliwat boleh dimasukkan bawah kategori zina atau sebaliknya.

Perkataan 'zina' yang disebut di dalam kesalahan Qazaf di bawah Seksyen 36 Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 telah ditafsirkan sebagai persetubuhan antara lelaki dengan perempuan tanpa nikah sahaja tanpa memasukkan perbuatan liwat di dalamnya. Pandangan yang diambil oleh penggubal dalam membina tafsiran zina adalah berdasarkan pandangan Imam Abu Hanifah yang menyatakan bahawa perbuatan liwat bukanlah qazaf bahkan ia kesalahan takzir dengan alasan kedua-dua adalah perbuatan yang berbeza dan ianya telah diterima sebagai undang-undang. Hakim juga menolak untuk meluaskan tafsiran ini kerana berpandangan kuasa seseorang Hakim Syarie tertakluk kepada bidang kuasa yang telah diperuntukkan kepadanya.

Perayu telah merayu kes ini di Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Selangor. Kes Rayuan ini telah didengari dan diputuskan oleh tiga orang hakim iaitu YAA Dato' Seri Dr. Md Yusop bin Che Teh (Pengerusi), YA Dato' Seri Haji Aidi bin Haji Mokhtar dan YA Dato' Haji Mukhyuddin bin Haji Ibrahim. Umumnya, Mahkamah Rayuan bersetuju bahawa rujukan-rujukan dalam pelbagai kitab seperti Kitab Tasyrie al Jinaiy Abdul Qadir Audah menyebut bahawa Mazhab Syafie, Maliki dan Hambali berpandangan tuduhan liwat termasuk dalam tuduhan zina manakala hanya mazhab Hanafi berpandangan sebaliknya.

Mahkamah Rayuan merujuk kepada Seksyen 2 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 yang mentakrifkan zina sebagai 'persetubuhan antara lelaki dan perempuan tanpa nikah'. Didapati tiada perkataan liwat dalam Enakmen ini. Berbeza dengan Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 yang ada peruntukan khusus mentakrifkan liwat yang merujuk kepada 'perhubungan seks sesama lelaki'. Hakim dengan itu berpandangan bahawa tuduhan liwat adalah tidak termasuk dalam pentakrifan zina yang membolehkan prosiding Qazaf dijalankan di Mahkamah Syariah Negeri Selangor.

Kaedah dan pendekatan pentakrifan Enakmen ini diperuntukkan di bawah Seksyen 2 (2) yang menyebut bahawa 'Semua perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Enakmen ini

dan yang tidak ditakrifkan dalamnya tetapi ditakrifkan dalam Akta-Akta Tafsiran 1948 dan 1967 hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya masing-masing dalam Akta-Akta itu setakat yang erti sedemikian tidak bercanggah dengan Hukum Syara'. Ini bermakna, semua tafsiran di bawah Enakmen ini adalah merujuk kepada pentafsiran dalam Enakmen ini sendiri manakala sekiranya tiada pentakrifan maka Akta-Akta Tafsiran 1948 dan 1967 terpakai setakat mana ia tidak menyalahi hukum syarak. Walaubagaimanapun, Mahkamah Syariah mempunyai budibicara jika timbul sebarang keraguan atau kesulitan dalam pentafsiran apa-apa perkataan atau ungkapan yang berkaitan dengan Hukum Syarak seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 2 (4) Enakmen ini.

Dalam kes ini, Mahkamah Rayuan Syariah bersetuju dengan pandangan Mahkamah Tinggi Syariah bahawa pengertian 'zina' telah ditakrifkan dalam Seksyen 2 sebagai 'persetubuhan antara lelaki dan perempuan tanpa nikah' dan pentakrifan lain daripada ini adalah tidak dibenarkan oleh undang-undang. Ini juga selari dengan kaedah fiqh 'Keputusan Pemerintah Bersifat Mengikat dan Menghilangkan Perbezaan'. Di sini, badan perundangan negeri telah memilih untuk mentakrifkan zina hanya persetubuhan antara lelaki dan perempuan tanpa nikah yang sah dan dengan itu Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa seksyen 36 tidak termasuk tuduhan liwat. Ini juga selaras dengan penghakiman dalam kes *Dato' Seri Anwar Ibrahim v Ketua Pendakwa Syarie Wilayah Persekutuan dan Tiga yang Lain Kes No: 14100-099-0012-2010* yang menyatakan bahawa pentakrifan zina dalam seksyen 41 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 hanya merujuk kepada persetubuhan haram antara lelaki dan perempuan dan tidak merangkumi liwat.

Berdasarkan kepada penghakiman yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah, pendekatan pentafsiran undang-undang digunakan telah menghadkan kesalahan *Qazaf* kepada tuduhan zina atau tuduhan seseorang lelaki dan perempuan melakukan persetubuhan haram tanpa ikatan perkahwinan yang sah. Pendekatan pentafsiran ini telah mengecualikan kes menuduh orang lain melakukan liwat tanpa bukti yang mencukupi sebagai kesalahan *Qazaf*. Ini bermakna laporan yang dibuat terhadap seseorang yang menuduh orang lain melakukan kesalahan *Qazaf* dalam kes liwat adalah tidak relevan. Pendakwa Syarie hanya akan memulakan prosiding *Qazaf* sekiranya beliau berpuashati dengan siasatan dalam kes tersebut dan hanya perlakuan yang melibatkan pertuduhan ke atas seseorang melakukan zina dan bukan liwat¹³.

Menghormati pandangan dan keputusan Mahkamah Syariah dalam kes di atas, penulis berpandangan, walaupun Seksyen 36 dan 41 di atas tidak menyebutkan liwat dalam kesalahan *Qazaf*, namun tidak bermakna ia boleh menghalang untuk Mahkamah Syariah membuat tafsiran secara konstruktif. Malahan, keputusan Mahkamah Syariah Negeri Selangor tidak mengikat mana-mana Mahkamah Syariah di negeri lain. Peruntukan ini boleh ditafsirkan dengan makna yang lebih luas sesuai dengan hukum syarak dan pandangan *fuqaha* muktamad termasuk ulama mazhab Shafi'i. Malahan sudah menjadi amalan untuk Mahkamah merujuk merujuk kepada *Qawl* muktamad mazhab Shafi'i dan sekiranya bercanggah dengan masalah

¹³ Pandangan yang menghadkan kesalahan *Qazaf* ini kepada tuduhan zina juga merujuk kepada jawapan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Dato' Seri Jamil Khir Haji Baharom semasa perbahasan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Parlimen Ketiga Belas 2015 di Dewan Rakyat. Dato' Seri Jamil Khir Haji Baharom tuduhan liwat tidak merangkumi kesalahan *Qazaf* sepertimana yang terkandung di bawah seksyen 41 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 (Zurairi, 2015).

umum, maka dibolehkan merujuk kepada mazhab muktabar seperti Hanafi, Maliki dan Hanbali. Bukan itu sahaja, sekiranya merujuk kepada Fasal 40 (1) Hukum Kanun Melaka juga perbuatan liwat dikategorikan sebagai zina. Ini bersesuaian dengan pandangan mazhab Shafi'i yang berasaskan hadith riwayat *al-Khamsah*, kecuali al-Nasa'i daripada 'Ikrimah daripada Ibn 'Abbas, dan hadith Abu Daud daripada Sa'id Ibn Jabir dan Mujahid daripada Ibn 'Abbas.

Umumnya, kesalahan *Qazaf* bukan sahaja merujuk kepada zina, malahan perkataan zina boleh sahaja ditafsirkan dengan makna yang lebih luas. Seiring dengan pandangan jumbuh termasuk pandangan kuat Mazhab Shafi'i, zina dalam kes *Qazaf* juga merujuk kepada pertuduhan liwat ke atas seseorang. Pentafsiran ini bersandarkan kepada pandangan yang kukuh dan kuat daripada ramai ulama muktabar daripada pelbagai mazhab. Ini semestinya memberikan sandaran yang kukuh untuk memulakan prosiding *Qazaf* dalam kes mana-mana pihak yang menuduh seseorang melakukan perbuatan liwat. Pentakrifan yang dibuat Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Selangor juga mungkin akan berbeza dengan negeri lain kerana ada enakmen yang memperuntukkan peruntukan khusus mentakrifkan liwat.

Tafsiran konstruktif ini juga bukan sahaja berasaskan kepada pandangan jumbuh malahan terdapat beberapa peruntukan undang-undang lain yang boleh dirujuk. Seksyen 130 (2) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Selangor) 2003 dan Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 termasuk seksyen 230 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Selangor 2003 menyebut secara jelas bahawa jika terdapat lakuna atau jika apa-apa perkara tidak diperuntukkan dengan nyata dalam Enakmen atau Akta ini, Mahkamah Syariah hendaklah memakai Hukum Syarak. Seksyen 3 Enakmen dan Akta ini mentafsirkan Hukum Syarak sebagai mengikut Mazhab Shafi'i, atau mengikut mana-mana satu Mazhab Maliki, Hanafi atau Hanbali. Seksyen 2 (4) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 juga telah memperuntukkan bahawa Mahkamah Syariah mempunyai budibicara jika timbul sebarang keraguan atau kesulitan dalam pentafsiran apa-apa perkataan atau ungkapan yang berkaitan dengan Hukum Syarak. Peruntukan-peruntukan ini secara langsung memberikan ruang kepada Mahkamah Syariah untuk mentafsirkan definisi *Qazaf* untuk merangkumi kes menuduh seseorang melakukan perbuatan zina termasuk liwat, Ini bertepatan bukan sahaja dengan Mazhab Shafi'i malahan majoriti *fuqaha* mazhab lain yang mensabitkan liwat sebagai zina.

Pentafsiran secara konstruktif ini adalah bersesuaian dengan keadaan seama masyarakat, memenuhi keperluan *maslahah* umum dan bertepatan dengan *maqasid Syariah* yang mesti dipelihara dan dipertahankan. Penulis mengambil pandangan bahawa Ketua Pendakwa Syarie boleh membawa kes ini ke Mahkamah Syariah dan hakim boleh menentukan pendekatan pentafsiran untuk menyelesaikan sebarang kekhilafan bersesuaian dengan kaedah '*iza hakama al hakim rafa'a al khilaf*' yang bermaksud sekiranya hakim telah membuat keputusan maka terungkailah khilaf.

Walaubagaimanapun penulis bersetuju dengan pandangan Mahkamah Rayuan yang mengakui dengan keseriusan kesalahan *Qazaf* ini dan mengesyorkan agar seksyen 36 ini dipinda bagi memasukkan juga pentakrifan tuduhan liwat dalam kesalahan *qazaf*. Walaupun berpandangan bahawa dengan peruntukan undang-undang sedia ada, Mahkamah Syariah masih ada ruang untuk membuat tafsiran undang-undang secara konstruktif, penulis sangat bersetuju dengan Mahkamah Rayuan Syariah dalam kes ini bahawa terdapat keperluan pindaan undang-undang bagi peruntukan kesalahan *Qazaf*. Sesuai dengan *maqasid Syariah* dan

bertepatan dengan pendekatan umum yang memaikan Mazhab Shafi'i, maka tuduhan liwat juga sepatutnya merangkumi kes *Qazaf* dan bukan hanya merujuk kepada zina. Dengan menambah baik peruntukan di dalam enakmen sedia ini juga akan membuka ruang yang lebih luas ke arah penambahbaikan keseluruhan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah yang dilihat masih mempunyai pelbagai kelemahan dan kekurangan dari beberapa sudut termasuk pemakaian pandangan *fujaha*.

Apakah Prosiding *Qazaf* Dalam Kes Tuduhan Seseorang Melakukan Liwat?

Pada asasnya, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah negeri-negeri memperuntukkan bahawa hanya orang yang menuduh orang tertentu melakukan zina tanpa bukti empat orang saksi lelaki yang cukup syarat atau pengakuan tertuduh boleh dianggap melakukan jenayah *Qazaf*. Namun begitu, bersandarkan kepada peruntukan undang-undang dibawah enakmen negeri-negeri dengan disokong oleh pandangan majoriti *fujaha*, *Qazaf* juga boleh ditafsirkan sebagai merangkumi tuduhan liwat. Ini menimbulkan kepada persoalan mengenai prosiding *Qazaf* dalam kes tuduhan liwat.

Umumnya, prosiding *Qazaf* adalah sama dengan kesalahan jenayah Syariah yang lain. Ia boleh dimulakan sama ada melalui laporan oleh yang dituduh atau orang awam atau pihak ketiga atau inisiatif hakim sendiri. Seksyen 8 dan 9 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Selangor 2003 memperuntukkan bahawa orang awam boleh membantu hakim, Pegawai Penguatkuasa Agama atau pegawai polis dengan memberi maklumat mengenai sesuatu kesalahan jenayah syariah yang diperuntukkan. Ini selari dengan apa yang telah dilakukan sepertimana laporan yang telah dibuat kepada pihak berkuasa agama Selangor dan Pulau Pinang. Tuduhan *Qazaf* ini sekiranya dibawa ke Mahkamah memerlukan dua orang saksi yang mencukupi syarat, membuktikan kesahihan sesuatu dakwaan *Qazaf* itu.

Sekiranya pihak yang melaporkan maklumat sesuatu kesalahan jenayah syariah tersebut tidak berpuashati dengan tindakan pihak berkuasa agama, beliau boleh membuat 'aduan' terus kepada hakim. Seksyen 72 memberi kuasa kepada hakim untuk mendengar 'aduan' terus daripada pihak yang membuat aduan dan sekiranya mempunyai asas yang kukuh boleh mengeluarkan saman bagi kehadiran tertuduh. Hakim sebenarnya bukan sahaja boleh membicarakan sesuatu kes berdasarkan 'aduan' pihak tertentu tetapi juga boleh mengambil perhatian tentang kesalahan berdasarkan pengetahuannya sendiri dan dengan keterangan yang menyokong bahawa kesalahan itu telah dilakukan. Peruntukan ini juga berasaskan kepada bidang kuasa jenayah yang dimiliki hakim di bawah peruntukan seksyen 7 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Selangor 2003.

Prosiding umum aduan kepada hakim diperuntukkan di bawah seksyen 55 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003 yang memperuntukkan:

- (1) Apabila maklumat yang disebut dalam seksyen 54 adalah berhubungan dengan pelakuan sesuatu kesalahan tak boleh tangkap, pegawai yang kepadanya ia diberikan hendaklah merujukkan pemberi maklumat itu kepada seorang Hakim Mahkamah Rendah Syariah.

- (2) Tiada Pegawai Penguatkuasa Agama boleh, dalam sesuatu kes yang melibatkan kesalahan tak boleh tangkap, menjalankan mana-mana kuasa khas berhubung dengan penyiasatan yang diberikan oleh Bab ini tanpa perintah Ketua Pendakwa Syarie.
- (3) Mana-mana Pegawai Penguatkuasa Agama yang menerima perintah sedemikian boleh menjalankan kuasa berkenaan dengan penyiasatan yang diberikan di bawah Bab ini kecuali kuasa untuk menangkap tanpa waran.

Berdasarkan kepada peruntukan di atas, ini bermakna seksyen 55 menggariskan beberapa panduan untuk prosiding kesalahan jenayah Syariah melibatkan ‘aduan kepada hakim’ iaitu:

- (1) Maklumat aduan dibuat di bawah seksyen 54¹⁴;
- (2) Maklumat aduan berkaitan kesalahan tak boleh tangkap;
- (3) Pengadu hanya boleh membuat aduan kepada hakim sekiranya dirujuk oleh pegawai penguatkuasa agama kepada hakim tersebut; dan
- (4) Hakim tersebut adalah hakim Mahkamah Rendah Syariah.

Walaupun secara dasarnya hakim boleh membicarakan kes *Qazaf* menerusi ‘aduan’ pengadu mahupun berdasarkan pengetahuannya sendiri seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 72, namun, Mahkamah Syariah berkemungkinan besar akan cuba mengelakkan untuk mencampuri urusan Ketua Pendakwa Syarie. Seksyen 78 (2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 2003 dengan jelas memperuntukkan Ketua Pendakwa Syarie mempunyai kuasa menurut budi bicaranya bagi memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan di hadapan mana-mana Mahkamah Syariah.

Aspek undang-undang tatacara dalam kes ‘aduan kepada hakim’ dalam kes melibatkan kesalahan jenayah Syariah ini dibincangkan juga dalam kes *Dato’ Seri Anwar Ibrahim (DSAI) v Ketua Pendakwa Syarie Negeri Selangor*, Kes No: 1000-120-0018-2016. Isu yang dibincangkan dalam kes merangkumi (i) Adakah tatacara ‘aduan kepada hakim’ ini hanya boleh didengar oleh Mahkamah Rendah Syariah; (ii) Adakah ia hanya terhad kepada kes tak boleh tangkap?; (iii) Adakah ia boleh dibuat secara terus kepada hakim tanpa rujukan kepada pegawai penguatkuasa?.

Dalam kes ini, Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor telah memutuskan bahawa ia tidak berbidang kuasa untuk mendengar ‘aduan kepada hakim’ dalam ‘kes tak boleh tangkap’ kerana ia terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah Rendah Syariah. Isu ini sangat berkaitan dengan peruntukan seksyen 55 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003 yang secara khusus menyebut bahawa peruntukan ini hanya relevan kepada sesuatu kesalahan tak boleh tangkap dan ia perlu dirujuk kepada Hakim Mahkamah Rendah Syariah dan bukan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.

¹⁴ Seksyen 54. Maklumat:

- 1) Tiap-tiap maklumat berhubung dengan pelakuan sesuatu kesalahan, jika diberikan secara lisan kepada seseorang Pegawai Penguatkuasa Agama, hendaklah diubah ke dalam bentuk bertulis olehnya atau di bawah arahnya dan hendaklah dibacakan kepada pemberi maklumat itu.
- (2) Tiap-tiap maklumat itu hendaklah dicatatkan ke dalam Borang 5 Jadual Kedua yang hendaklah disimpan oleh pegawai itu, yang hendaklah menyatakan dalam catatan itu tarikh dan waktu maklumat itu telah diberikan, dan sama ada diberikan secara bertulis atau diubah ke dalam bentuk bertulis sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (1) hendaklah ditandatangani oleh orang yang memberikan maklumat itu.

Mahkamah Rayuan Syariah bersetuju dengan keputusan Mahkamah Tinggi Syariah dan berpandangan bahawa perkataan ‘hakim’ dalam seksyen ini merujuk kepada Hakim Mahkamah Rendah Syariah. Ini berdasarkan kepada peruntukan di bawah seksyen 74-77 sebenarnya merujuk kepada tatacara dalam seksyen 55 (1) yang menyebut ‘hakim’ sebagai hakim Mahkamah Rendah Syariah.

Isu seterusnya adakah kes Qazaf termasuk dalam kes yang boleh dibuat ‘aduan kepada hakim’ di bawah seksyen 55? Mahkamah Rayuan Syariah berpandangan bahawa kes Qazaf tidak termasuk dalam kes yang boleh dibuat aduan kepada hakim dalam seksyen 55 kerana ia dikategorikan sebagai ‘kes boleh tangkap’ iaitu sesuatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh satu tahun atau lebih yang baginya pada lazimnya Pegawai Penguatkuasa Agama atau pegawai polis boleh menangkap tanpa waran. Seksyen 36 melibatkan hukuman apabila disabitkan iaitu boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya. Manakala seksyen 55 hanya merujuk kepada kes kesalahan tak boleh tangkap iaitu sesuatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh kurang daripada satu tahun atau dengan denda sahaja yang baginya pada lazimnya Pegawai Penguatkuasa Agama atau pegawai polis tidak boleh menangkap tanpa waran.

Aduan kepada hakim juga tidak boleh dilakukan secara terus kerana ia perlu merujuk kepada pegawai penguatkuasa. Mahkamah Rayuan Syariah dalam kes Dato’ Seri Anwar Ibrahim mendapati terdapat ketidakpatuhan tatacara undang-undang di mana aduan kepada hakim dalam kes Qazaf ini dibuat terus kepada hakim tanpa merujuk pegawai penguatkuasa dan aduan hakim juga telah di buat terus ke Mahkamah Tinggi Syariah dan bukan Mahkamah Rendah Syariah. Mahkamah Rayuan Syariah memutuskan bahawa dalam kes ini, sepatutnya seksyen 57 digunapakai berbanding seksyen 54¹⁵.

Kesimpulan

¹⁵ Seksyen 54. Tatacara jika kesalahan boleh tangkap disyaki.

(1) Jika daripada maklumat yang diterima atau selainnya seseorang Pegawai Penguatkuasa Agama mempunyai sebab untuk mengesyaki pelakuan sesuatu kesalahan boleh tangkap maka dia hendaklah, melainkan jika kesalahan itu adalah daripada jenis yang telah diarahkan oleh Ketua Pendakwa Syarie tidak perlu dilaporkan kepadanya, dengan serta-merta menghantar suatu laporan mengenai maklumat itu kepada Ketua Pendakwa Syarie, dan hendaklah pergi sendiri atau hendaklah mempertanggungjawabkan seorang daripada pegawai bawahannya pergi ke tempat kesalahan itu dilakukan untuk menyiasat fakta-fakta dan hal keadaan kes itu dan untuk mengambil apa-apa langkah yang perlu bagi penemuan pesalah itu: Dengan syarat bahawa—

- (a) apabila apa-apa maklumat tentang pelakuan mana-mana kesalahan sedemikian diberikan terhadap mana-mana orang yang disebut namanya dan jenis kes itu tidak berat, Pegawai Penguatkuasa Agama yang menerima maklumat itu tidak perlu pergi sendiri atau mempertanggungjawabkan seorang pegawai bawahannya untuk membuat siasatan di tempat kesalahan itu dilakukan;
- (b) jika didapati oleh Pegawai Penguatkuasa Agama yang menerima maklumat itu bahawa tiada alasan yang mencukupi untuk bertindak atau bertindak selanjutnya dalam perkara itu, maka dia tidaklah boleh berbuat demikian.

(2) Dalam setiap kes yang disebut dalam perenggan (1)(a) dan (1)(b), Pegawai Penguatkuasa Agama yang menerima maklumat itu hendaklah menyatakan dalam laporannya, jika ada, sebab-sebab dia tidak mematuhi subseksyen (1) dengan sepenuhnya.

Peristiwa fitnah *Ifk* yang pernah berlaku terhadap keluarga Rasulullah SAW merupakan antara kisah yang sangat memberikan kesan kepada baginda dan seluruh umat Islam pada waktu itu. Ia hampir melibatkan pertumpahan darah serta faktor utama perselisihan faham dan perpecahan umat. Maka tidak hairanlah kesalahan *Qazaf* ini dinukilkan oleh Allah SWT di dalam al-Quran secara khusus berserta dengan hukuman yang sangat berat termasuk tidak diterima kesaksian selama-lamanya. Amaran Allah SWT dan Rasulullah SAW seumpama dipandang enteng dan remeh pada hari ini, di mana sudah ramai yang secara terang-terangan menganjurkan program berunsur *Qazaf* yang berpotensi untuk menjerumuskan ramai umat Islam secara tidak sedar untuk boleh melakukan kesalahan *Qazaf*.

Di antara isu utama yang timbul hari ini berkenaan dengan isu *Qazaf* ialah kes yang melibatkan tuduhan ke atas seseorang melakukan perbuatan liwat tanpa membawa bukti yang mencukupi dari segi hukum syarak. Umumnya, majoriti *fuqaha* bersetuju bahawa tuduhan liwat juga meliputi kesalahan *Qazaf* dan ia boleh dikenakan hukuman had. Malahan pandangan ini juga selaras dengan mazhab Shafi'i yang mentafsirkan *Qazaf* sebagai tuduhan liwat adalah sama dengan tuduhan zina. Ini merupakan asas kepada pemahaman isu *Qazaf* yang seharusnya dijadikan rujukan utama.

Seiring dengan isu pemakaian mazhab dalam kes ini, adalah amat penting untuk kita memahami kedudukan mazhab dan aplikasinya menurut perspektif undang-undang. Menerusi kerangka perundangan sedia ada, Malaysia umumnya mengiktiraf *Abli Sunnah Wa al-Jamaah*. Dari sudut pemakaian mazhab di Mahkamah Syariah, terdapat keperluan untuk merujuk kepada *Qawl* muktamad mazhab Shafi'i dan sekiranya bercanggah dengan masalah umum, maka dibolehkan merujuk kepada mazhab muktabar seperti Hanafi, Maliki dan Hanbali. Jika kesemua pandangan mazhab muktabar masih tidak bertepatan dengan masalah umum, maka dibolehkan untuk berijtihad tanpa merujuk mana-mana pandangan mazhab muktabar.

Perihal mengenai wujudnya tanggapan bahawa sesiapa tidak boleh dianggap melakukan *Qazaf* apabila membuat tuduhan liwat terhadap seseorang yang telah disabitkan kesalahan seks luar tabii di Mahkamah Sivil merupakan suatu tanggapan salah. Sabitan kesalahan di Mahkamah Sivil seperti yang diperuntukkan dalam Kanun Keseksaan tidak bermakna seseorang itu berhak atau boleh membuat tuduhan liwat. Sebarang pertuduhan atas kesalahan jenayah termasuk tuduhan liwat terhadap sesiapa tidak boleh sewenang-wenangnya dilakukan dikhalayak umum bahkan ia hanya boleh dibuat dihadapan hakim di Mahkamah Syariah mengikut prosedur dan prinsip undang-undang keterangan Islam. Harus juga diperingatkan bahawa jika seseorang itu dilarang untuk membuat tuduhan liwat terhadap sesiapa kerana boleh jatuh kesalahan *Qazaf*, begitu juga sebaliknya di mana sesiapa pun tidak boleh sewenang-wenangnya menuduh orang lain melakukan kesalahan *Qazaf*. Sebarang pertuduhan mesti melalui prosedur keadilan syarie iaitu di Mahkamah Syariah di hadapan hakim.

Realiti yang ada pada peruntukan undang-undang Syariah di Malaysia menimbulkan beberapa persoalan dan seterusnya menimbulkan kekeliruan dalam masyarakat. Peruntukan undang-undang di bawah Enakmen Jenayah Syariah negeri-negeri hanya menyebut kesalahan *Qazaf* sebagai tuduhan zina dan tidak menyatakan secara jelas kedudukan tuduhan liwat. Menerusi peruntukan yang umum ini, beberapa tafsiran boleh dibuat sama ada secara literal atau

konstruktif. Tafsiran secara literal pastinya akan menghadkan *Qazaf* kepada tuduhan zina dan mengecualikan tuduhan liwat. Manakala tafsiran secara konstruktif akan memperluaskan *Qazaf* untuk merangkumi bukan sahaja tuduhan zina malahan tuduhan liwat. Kenyataan yang menyatakan bahawa *Qazaf* adalah merujuk kepada tuduhan zina secara mutlak adalah tidak tepat dan menyalahi ruh undang-undang Syariah itu sendiri.

Setelah meneliti pelbagai faktor termasuk ruang lingkup undang-undang, pendekatan pentafsiran, pandangan majoriti *fugaha* serta *maslahah* dan *maqasid Syariah*, penulis berpandangan bahawa pentafsiran secara konstruktif adalah pendekatan terbaik dalam menentukan sama ada *Qazaf* merangkumi zina dan liwat atau sebaliknya. Bersesuaian dengan tuntutan *maslahah* dan *maqasid Syariah*, kekuatan nas dah hujah berserta dengan ruang tafsiran secara konstruktif yang ada, kesalahan *Qazaf* hendaklah ditafsirkan sebagai meliputi tuduhan liwat. Ini juga bertepatan dengan tafsiran Hukum Syarak yang mengiktiraf Mazhab Shafi'i termasuk Mazhab muktabar yang lain. Dari aspek tatacara, sesiapa sahaja orang awam termasuk yang dituduh berhak untuk membuat laporan kepada pihak berkuasa mengenai maklumat berkaitan dengan kesalahan *Qazaf*. Enakmen Tatacara Jenayah Syariah negeri-negeri memperuntukkan prosedur yang jelas mengenai perkara ini.

Kesimpulan yang boleh dibuat berdasarkan perbincangan di atas ialah peruntukan undang-undang sedia ada sebenarnya membolehkan prosiding *Qazaf* dilaksanakan kepada mana-mana individu yang melakukan tuduhan liwat. Kenyataan yang mengatakan bahawa *Qazaf* merujuk kepada hanya tuduhan zina adalah tidak tepat. Enakmen Jenayah Syariah negeri-negeri memberikan ruang yang fleksibel untuk meluaskan tafsiran *Qazaf* berdasarkan hukum syarak. Oleh itu, Ketua Pendakwa Syarie boleh memberikan perhatian dan pertimbangan terhadap laporan *Qazaf* yang dibuat dan memulakan prosiding *Qazaf* sekiranya ia mempunyai asas yang kuat. Hakim juga boleh memainkan peranan yang penting dalam kes *Qazaf* ini dengan bertindak secara '*inquisitorial*' dan pro-aktif bagi membicarakan kes yang mempunyai asas dan bukti serta sokongan keterangan yang kukuh. Lebih penting lagi, pindaan undang-undang yang menambah baik peruntukan di dalam enakmen sedia ada perlu dilaksanakan. Ini akan membuka ruang yang lebih luas ke arah penambahbaikan keseluruhan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah yang dilihat masih mempunyai pelbagai kelemahan dan kekurangan.

Rujukan

- Abdul Qadir Audah. (2008). *Al-tashri' Al-Jina'I Al-Islami*. Beirut: Muassasah alRisalah al-Nasirun.
- Banoo Begum v Mir Abed Ali* ILR 32 Bom 172.
- Dato' Seri Anwar Ibrahim (DSAII) v Ketua Pendakwa Syarie Negeri Selangor*, Kes No: 1000-120-0018-2016.
- Dato' Seri Anwar Ibrahim v Ketua Pendakwa Syarie Wilayah Persekutuan dan Tiga yang Lain* Kes No: 14100-099-0012-2010
- Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP & Another* [2015] CLJ JT (3)
- Ezad Azraai Jamsari, Muhammad Adib al Samuri, Salmi Edawaty Yaacob, Noor Aziah Mohd Awal, Izhar Arif Mohd Kashim dan Mohamad Zulfadzlee Abu Hasan Ashaari, *Penetapan Mazhab Ahli Sunnah Wa al-Jamaah* Sebagai Definisi Islam di Malaysia: Hak

- Penyebaran Agama Bagi Kumpulan Agama Minoriti, *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, 2011:31-42.
- Hanafi, Ibnu Hammam. (1970) *Fath al-Qadir*. Jilid 5. Mesir: Syirkah Maktabah Wa mathba'ah Musthafa al Babi al Halabi.
- Ibn Qayyim al-Jauziyyah. (t.t.). *I'lam al-Muwaqqi'in*, 3/3, Beirut: Dar al-Jail
- M.B Hooker (t.t.), *Islamic Law in South East Asia*. Oxford University Press: New York, hh. 11 & 16
- Mohammed Imam, *Freedom of Religion Under Federal Constitution of Malaysia-a Reappraisal* [1994] 2 CLJ vii (Jun).
- Mustafa al-Bugha, Mustafa al-Khin. (1990). *Al-Fiqh al-Manhaji*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Paizah Ismail, (2007). Kedudukan Mazhab Shafi'i Dalam Undang-undang Jenayah Islam di Malaysia, *Jurnal Fiqh*, 4: 237-250
- PP v. Dato' Seri Anwar Ibrahim* [2014] CLJ JT (1-1)
- PP v. Dato' Seri Anwar Ibrahim* [2001] 3 MLJ 193
- Raihanah, Azahari. (2007). Kedudukan Mazhab Shafi'i Dalam Undang-undang Keluarga Islam: Satu Realiti, *Jurnal Fiqh*, 4: 251-258.
- Saeda binti Abu Bakar and Malek bin Haji Mohamed Yusup v Haji Abdul Rahman bin Mohamed Yusup dan Usman bin Haji Mohamed Yusup* (1982) 1 LNS 60.
- Shamala Sathiyaseelan v Dr. Jeyaganesh C. Mogarajah* (2004) 3 CLJ 516.
- Saravanan Thangatoray v Subashini Rajasingham & Another Appeal* (2007) 2 CLJ 451.
- Zafrin Zulbilmi bin Pauzi v Noor Aini Binti Nasron* Kes No: 11300-006-0033-2012.
- Zuhaili, Wahbah. (2006). *Al Wajiz Fil Fiqhil Islami*. Jilid 2. Beirut, Lebanon: Maktabah Darul Fikr.
- Zurairi, AR. (2015, 24 Februari). Islamic affairs minister: False accusation offence only for man-woman sex, not sodomy. *The Malay Mail*.
<http://www.themalaymailonline.com/malaysia/article/islamic-affairs-minister-false-accusation-offence-only-for-man-woman-sex-no#sthash.kS8MEPp3.dpuf>